

BAHAGIAN A

(60 Markah)

Jawab semua soalan.

1. a) Nyatakan andaian, prinsip dan batasan bagi situasi berikut:

Situasi	Andaian/Prinsip/ Batasan
i) Encik Aris ialah pemilik sebuah kedai runcit. Barang-barang keperluan dapur diambil dari kedai runcitnya dan dia mencatat setiap barangan yang diambil untuk diserahkan kepada kerani akaunnya.	
ii) Syarikat Mutiara Sdn. Bhd telah membeli beberapa buah kenderaan untuk operasi perniagaannya bernilai RM850 000 pada 5 tahun lepas. Walaupun begitu nilai kenderaan tersebut masih direkod dengan nilai yang sama dalam Penyata Kedudukan Kewangan semasa.	

(2 markah)

- b) Nyatakan kesan urusan niaga terhadap persamaan perakaunan.

Membayar cek RM5 000 kepada Akaun Belum Bayar untuk menjelaskan hutang.

Aset	Bertambah / Berkurang
Liabiliti	Bertambah / Berkurang

(2 markah)

- c) Kejora Enterprise ingin mengukur kemampuan perniagaannya bagi menjelaskan semua Liabiliti Semasa mengikut masa yang ditetapkan.

Nyatakan Nisbah Kecairan yang digunakan beserta rumusnya.

(2 markah)

d) Maklumat berikut adalah berkaitan dengan belanjawan tunai

	RM
Baki awal	3 500
Jumlah Penerimaan	10 416
Jumlah Pembayaran	8 600

Hitungkan:

- i) Lebihan atau kurangan
- ii) Baki akhir

(2 markah)



(e) Bukan sepasang kekasih sahaja yang berpisah, perkongsian juga mengalami situasi diatas. Nyatakan 2 sebab situasi diatas bagi sebuah perkongsian.

(2 markah)

2. Aimi, Ainun dan Aisyah adalah pekongsi dalam Perkongsian Bersaudara yang menjual barangan perhiasan. Berikut ialah baki-baki akaun dari Perkongsian Bersaudara pada 31 Ogos 2022

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Belian Dan Jualan	47 200	86 400
Inventori pada 1 September 2021	9 550	
Kenderaan (kos)	30 000	
Susut nilai terkumpul kenderaan		6 000
Perabot	4 500	
Pulangan	250	
Angkutan masuk	220	
Akaun Belum Terima	7 200	
Akaun Belum Bayar		4 800
Gaji Aimi	10 000	
Gaji Ainun	12 000	
Insurans	900	
Komisen diterima		440
Modal Aimi		12 000
Modal Ainun		24 000
Modal Aisyah		12 000
Faedah atas pinjaman	330	
Hutang lapuk	420	
Akaun Semasa Aimi	120	
Akaun Semasa Ainun		210
Akaun Semasa Aisyah		320
Ambilan Aimi (1 November 2021)	600	
Ambilan Ainun (1 Mei 2022)	400	
Ambilan Aisyah (30 Jun 2022)	400	
Pinjaman Ainun		8 000
Tunai	670	
Bank	29 410	
	<u>154 170</u>	<u>154 170</u>

Ikatan perkongsiannya menyatakan:

- (a) Untung rugi dibahagi mengikut nisbah 1:2:1
- (b) Faedah atas modal dikenakan 4% setahun
- (c) Faedah atas ambilan 6% setahun
- (d) Aimi dan Ainun masing-masing dibayar gaji RM15 000 setahun
- (e) Faedah atas pinjaman 8% setahun

Maklumat tambahan:

- (a) Inventori pada 31 Ogos 2022 bernilai RM12 520 pada harga kos dan RM11 240 pada harga pasaran
- (b) Insurans dibayar untuk tempoh setahun berakhir 31 Oktober 2022
- (c) Kenderaan disusutnilaikan pada kadar 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan
- (d) Mewujudkan peruntukan hutang ragu pada kadar 3% atas Akaun Belum Terima

Anda dikehendaki menyediakan :

- i) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Ogos 2022 [9 markah]
- ii) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Ogos 2022 [7 markah]
- iii) Akaun Semasa Pekongsi (beruangan) [7 markah]
- iv) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Ogos 2022 (Bahagian Ekuiti Pemilik) [2 markah]

3. Berikut ialah maklumat yang dipetik daripada rekod perakaunan KK Trading pada 30 September 2022

	RM
Tunai di tangan	800
Tunai di bank	8 600 9 300
Akaun Belum Terima Syarikat Ros	1 520
Modal	16 660

Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan Oktober 2022:

		NO CEK	RM
Okt 3	Keluar wang tunai daripada bank untuk kegunaan pejabat	150051	1 000
4	Bayar belanja angkutan dengan tunai		140
8	Bayar Syarikat Kavitha dengan cek untuk menjelaskan hutangnya berjumlah RM3 800	150052	3 700
11	Jualan tunai dibankkan		5 720
13	Syarikat Ros menjelaskan hutang dan memberikannya diskaun RM80		??
14	Beli perabot pejabat dengan cek	150053	1 300
18	Terima komisen dengan cek		540
20	Beli barang niaga dibayar dengan cek	150054	1 710
24	Menerima cek dari Kedai Lim		1 400
28	Pemilik membawa masuk tunai peribadinya ke bank		12 000
29	Bayar sewa dengan cek	150055	660
30	Bayar gaji pekerja dengan cek	150056	1 500

- a) Anda dikehendaki menyediakan buku tunai dengan menggunakan lembaran Buku Tunai di Lampiran A. (14 markah)

- b) Berikut ialah Penyata Bank bagi bulan Oktober 2022 yang diterima oleh KK Trading.

BANK MUSLIM MALAYSIA BERHAD No 1626, Jalan Sri Permai 18000 Kuala Krai Penyata Bank Kepada : No. Akaun : 942821058 Tarikh : 31 Okt. 2022 KK Trading No 10, Jalan Batu Balai 18000 Kuala Krai				
Tarikh	Butir	Debit	Kredit	Baki
1	Baki b/b			9900
3	Cek No. 150051	1000		8900
4	Dividen- Jaya Berhad		722	9622
4	Cek No. 150050	600		9022
5	Perintah sedia ada – Insuran	700		8322
9	Cek No. 150052	3700		4622
11	Deposit		5720	10342
15	Cek No. 150053	1300		9042
21	Cek Tempatan		540	9582
22	Cek No. 150054	1710		7872
30	Caj Bank	30		7842
31	Cek No. 150055	990		6852

Maklumat tambahan :

- a) Cek bernombor 150055 telah tersilap catat di dalam Buku Tunai.
 b) Cek dibankkan pada 13 Oktober 2022 telah dipulangkan oleh bank pada 25 Oktober 2022 dengan ditanda “ Rujuk Penyuruh Bayar”.

Berdasarkan jawapan anda di 2(a), anda dikehendaki :

- (i) Mengemas kini Buku Tunai (ruangan bank sahaja) (6 markah)
 (ii) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Oktober 2022 (5 markah)

BAHAGIAN B

(40 Markah)

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

4. Pada 1 Julai 2021, Puan Marisa meneruskan perniagaan membekal barang permainan dengan baki inventori bernilai RM50 700.

Berikut ialah baki-baki daripada buku perniagaannya pada 30 Jun 2022.

	RM
Tunai	1 300
Sewa Dibayar	20 000
Modal	131 180
Komisen Diterima	4 000
Kenderaan	68 500
Jualan	165 000
Insurans	1 800
Duti atas Belian	2 000
Diskaun Diberi	2 300
Belian	74 500
Bank	55 950
Hutang Lapuk	1 250
Ambilan	2 500
Alatan Pejabat	21 000
Alatulis	1 050
Akaun Belum Terima	41 500
Akaun Belum Bayar	26 500
Susut nilai Berkumpul: Kenderaan	15 000
Peruntukan Hutang Ragu	1 250
Pulangan Keluar	1 420

Maklumat tambahan:

- Inventori pada 30 Jun 2022 berjumlah RM22 450 pada harga pasaran dan RM21 250 pada harga kos.
- Inventori akhir bagi alatulis dinilai pada RM250
- Komisen diterima RM300 sebulan.
- Sekeping nota debit yang diterima daripada pembekal berjumlah RM1500.00 belum direkodkan dimana-mana buku.
- Sewa belum bayar RM2 000
- Hutang lapuk dihapuskan RM250
- Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 6 % atas Akaun.Belum Terima.
- Kenderaan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun atas kos.

Anda dikehendaki menyediakan:

- a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2022. (11 markah)
- b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2022. (9 markah)

5. Maklumat berikut di peroleh daripada Kelab Sukan dan Rekreasi Mulong yang telah ditubuhkan pada tahun 2020 di Kota Bharu Kelantan.

	1 Januari 2021	31 Disember 2021
	RM	RM
Premis Kelab	80 000	80 000
Alatan Sukan	5 000	12 000
Inventori minuman	3 200	2 400
Akaun Belum Bayar minuman	2 000	2 600
Yuran belum terima	1 200	1 400
Yuran belum terperoleh	500	1 100
Utiliti belum bayar	150	300
Susutnilai Berkumpul premis	8 000	?

Akaun Penerimaan dan Pembayaran Kelab Sukan dan Rekreasi Mulong bagi tahun berakhir

31 Disember 2021 adalah seperti berikut

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

	RM		RM
Baki b/b	35 000	Upah pekerja minuman	2 500
Yuran ahli	75 000	Akhbar dan Majalah	300
Derma membina gelanggang sepak takraw	8 000	Insuran kelab	2 400
Yuran masuk	5 000	Utiliti kelab	1 800
Jualan minuman	12 600	Belian minuman	4 500
Sewa dewan	6 000	Alatan sukan	9 000
		Akaun belum bayar	2 500

Maklumat tambahan

- Yuran lapuk adalah sebanyak RM 250
- Sewa dewan belum terima RM 1 200
- Premis disusutnilaikan 10% setahun atas kos

Anda dikehendaki menyediakan:

- a) Akaun Yuran ahli

(3 markah)
- b) Penyata Mengira Dana Terkumpul pada 1 Januari 2021

(3 markah)
- c) Akaun Perdagangan Minuman bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

(3 markah)
- d) Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

(9 markah)
- e) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 dengan menunjukkan bahagian Dana Terkumpul sahaja.

(2 markah)

6. a) Berikut adalah buku catatan pertama Perniagaan Aqeel menjalankan perniagaan runcit di Pulai Chondong , Machang Kelantan pada 1 Oktober 2022

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Folio	Debit(RM)	Kredit (RM)
2022 Okt 1	Tunai Bank Kenderaan Modal (memulakan perniagaan)		1 000 10 000 50 000	61 000

Jurnal Belian

Tarikh	Butir	Folio	No Dokumen	Jumlah(RM)
2022 Okt 3 15	Perniagaan Baihaqi Perniagaan Waqueel		4532 5663	5 200 5 600
31	Akaun Belian	Dt		10 800

Jurnal Jualan

Tarikh	Butir	Folio	No Dokumen	Jumlah(RM)
2022 Okt 10 25	Kedai Runcit NR Jaya Zharif Enterprise		1001 1002	8 200 7 300
31	Akaun Jualan	Kt		15 500

Jurnal Pulangan Jualan

Tarikh	Butir	Folio	No Dokumen	Jumlah(RM)
2022 Okt 15	Kedai Runcit NR Jaya		2001	200
31	Akaun Pulangan Jualan	Dt		200

Anda dikehendaki memindahkan catatan daripada Buku Catatan Pertama ke akaun-akaun lejar

Lejar di Lampiran B

(10 markah)

- b) Maklumat berikut diperolehi daripada Pengeluar Jus Manggo di Kota Bharu Kelantan bagi tahun 2021 dan 2022

Tahun	Unit Jualan	Jumlah Kos(RM)	Jumlah Jualan(RM)
2021	15 000	90 000	97 500
2022	16 000	95 000	104 000

Harga jualan seunit, kos berubah seunit dan kos tetap adalah malar pada ke dua-dua tahun tersebut.

Anda dikehendaki menghitung:

- Kos berubah seunit (2 markah)
- Kos tetap (2 markah)
- Harga jualan seunit (2 markah)
- Titik Pulang Modal dalam unit (2 markah)
- Unit yang perlu dijual untuk mendapatkan keuntungan sebanyak ~~RM 50 000~~ **RM45 000** (2 markah)